

Media sosial bukan medan perbalahan

Noraisah
P. Othman,
Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari
(ACIS),
Universiti
Teknologi
MARA (UiTM),
Cawangan Johor
Kampus Pasir
Gudang

Kemajuan dunia tanpa sempadan menda-tangkan pelbagai manfaat dan kebaikan. Pelbagai maklumat, perkembangan dan kisah kehidupan dikongsi sebagai trend, memori serta kenang-kenangan.

Contohnya video memasak, tip penjagaan kesihatan dan pelbagai kaedah Dibuat Individu dengan Yakin (DIY) menjadikan kehidupan lebih mudah serta bermakna. Segala-galanya boleh dicari dan dirujuk di hujung jari sahaja.

Namun, apa lebih membimbangkan ialah penggunaan media tanpa batasan membawa kepada budaya kecaman, makian dan penin-

dasan.

Kemajuan teknologi menjadikan manusia semakin kurang empati dan simpati serta menjadi pembuli siber. Malah, lebih mendukacitakan apabila Malaysia tersenarai sebagai negara kedua di Asia bagi aktiviti penindasan siber dalam kalangan remaja.

Siapa sahaja dilihat salah atau tidak disukai pastinya dikecam serta dicaci sesuka hati. Adakalanya, makian itu melampau-lampau dan keterlaluan hingga mendatangkan mudarat kepada individu di-kecam, ahli keluarga serta kehidupan.

Tidak kurang juga ada mengalami tekanan, stres dan gangguan mental akibat membaca pelbagai kecaman dilemparkan penuh kebencian.

Media sosial dihujani dengan pelbagai isu silih

berganti daripada isu politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan artis kepada COVID-19.

Walaupun ada ketika sesuatu perkara itu memang salah dan pastinya tidak sewajarnya dilakukan seperti menyalahi undang-undang atau norma kehidupan, kecaman dan makian bukan jalan penyelesaian.

Namun, perbuatan warganet melemparkan cacian dan makian tanpa batasan sudah pastinya men-



cerminkan akhlak serta perbuatan buruk bertentangan budaya masyarakat di negara ini yang terkenal dengan adab kesopanan dan budi bahasa tinggi.

Lebih mendukacitakan apabila umat Islam bertelagah sesama sendiri.

Nabi Muhammad SAW mengajarkan kita supaya sentiasa berkata dengan kata-kata baik. Ini kerana cerminan Islam itu terletak pada akhlak mulia.

Sifat ini semakin terhakis dan hilang bersama arus kemodenan kian pesat berkembang. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya tidak ada suatu apa pun paling berat ditimbangkan kebaikan seseorang Mukmin pada Kiamat seperti akhlak mulia dan sesungguhnya Allah benci orang yang lisannya kotor dan kasar." (Hadis riwayat Tirmizi)

Justeru, sebagai masyarakat Malaysia terkenal dengan kesopanan dan kesusilaan serta Muslim penuh akhlak serta adab baik, marilah kita meninggalkan dan menjauhkan diri daripada perbuatan caci-maki.

Banyak lagi cara lebih baik dan berhemah dalam mengutarakan perbezaan pendapat serta teguran berhikmah. Menjauhi pergaduhan juga antara tuntutan dalam Islam.

Tidak guna berbalah dan membawa perpecahan serta kerosakan kepada masyarakat seluruhnya. Media sosial hendaklah diguna dengan cara lebih bijaksana.